

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI DIETETIK

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Dietetik Gred U9,U10, U12, U13, U14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas berkaitan pengurusan dan pemantauan perkhidmatan klinikal dietetik dan komuniti, perancangan dan penyediaan makanan berzat dan sesuai berdasarkan Hospital Diet Manual, khidmat nasihat kepada pesakit yang memerlukan diet teraputik, merancang dan melaksanakan aktiviti latihan dan penyelidikan berkaitan.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Dietetik Gred U9

a. Aspek Dietetik Klinikal.

Melaksanakan langkah-langkah dalam *nutrition care process* seperti *nutritional assessment, nutritional prescription, nutrition monitoring and evaluation* bagi setiap pesakit dalam atau pesakit luar yang dirujuk oleh doktor untuk mencapai tahap kesihatan yang optima.

b. Aspek Dietetik Komuniti.

Menyumbang kepada program/ aktiviti dalam perkhidmatan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit kepada hospital, klinik-klinik kesihatan, organisasi dan media massa.

c. Menyediakan Perkhidmatan Makanan.

Menyelia operasi penyediaan makanan untuk memastikan diet normal, diet teraputik atau *tube feeding* yang disediakan untuk pesakit adalah betul, mengikut preskripsi dan menepati tahap kualiti perawatan.

- d. Latihan.
 - i. memberi latihan mengenai penyediaan diet-diet kepada Tukang Masak, Penyelia Asrama dan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan.
 - ii. memberi latihan dan kefahaman mengenai pemakanan sihat/ diet teraputik kepada anggota paramedik supaya merekamemahami kepentingan penjagaan diet dalam rawatan pesakit.
- e. Memberi perkhidmatan pemakanan/ diet di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan.
- f. Memberi tumpuan kepada memperkembangkan lagi bidang klinikal dietetik secara pengkhususan supaya selaras dengan perkembangan rawatan yang dilaksanakan oleh doktor.
- g. Memberi perhatian terhadap pesakit *acute* seperti rawatan rapi, *burns* dan pesakit lain yang tenat yang memerlukan penjagaan dan pemantauan diet/ *feeding regime* yang rapi.
- h. Memastikan pesakit diberi preskripsi diet, memahami tentang penjagaan dietnya dan menghadiri rawatan susulan jika diperlukan.

4.2 Pegawai Dietetik Gred U10

- a. Aspek Dietetik Klinikal.
 - i. melaksanakan langkah-langkah dalam *nutrition care process* seperti *nutritional assessment*, *nutritional prescription*, *nutritional monitoring and evaluation* bagi setiap pesakit dalam atau pesakit luar yang dirujuk oleh doktor untuk mencapai tahap kesihatan yang optima.
 - ii. mengendalikan disiplin rawatan rapi.
- b. Aspek Dietetik Komuniti.

Menyumbangkan kepada program/ aktiviti dalam perkhidmatan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit kepada hospital, klinik-klinik kesihatan, organisasi dan media massa.
- c. Pengurusan Dietetik Komuniti.

Menyelia operasi penyediaan makanan dengan merancang menu, piawaian resepi dan memastikan diet normal dan diet teraputik menepati piawaian dan berkualiti.

- d. Pelaksanaan Latihan.
- i. memberi latihan kepada pegawai Jabatan Sajian dan Dietetik dan pegawai hospital mengenai pemakanan dan diet.
 - ii. melibatkan diri dalam memberi praktikal kepada pelatih katering dan pelatih dietetik dari institusi pendidikan tinggi semasa penempatan klinikal.
 - e. Memberi tumpuan kepada perkembangan klinikal dietetik secara pengkhususan klinikal.
 - f. Memberi perhatian terhadap pesakit *acute* seperti rawatan rapi, *burns* dan pesakit lain yang tenat dan memerlukan penjagaan dan pemantauan diet/ *feeding regime* yang rapi.
 - g. Memastikan pesakit diberi preskripsi diet, memahami tentang penjagaan dietnya dan menghadiri rawatan susulan.

4.3 Pegawai Dietetik Gred U12

Bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan pengurusan, memantau perkhidmatan klinikal dietetik dan komuniti, mengurus penyediaan makanan, memberi latihan kepada pelatih mengenai pemakanan dan diet serta melibatkan diri dalam aktiviti penyelidikan.

- a. Pentadbiran dan Pengurusan.
 - i. menguruskan operasi dan tatacara pentadbiran jabatan mengikut garis panduan dan piawaian yang ditetapkan.
- b. Aspek Dietetik Klinikal.
 - i. melaksanakan langkah-langkah dalam *nutrition care process* seperti *nutritional assessment*, *nutritional prescription*, *nutrition monitoring and evaluation* bagi setiap pesakit dalam atau pesakit luar yang dirujuk oleh doktor bagi mencapai tahap kesihatan yang optima.
 - ii. mengendalikan disiplin yang ditetapkan ke arah pengkhususan dietetik.
 - iii. memantau perkhidmatan klinikal dietetik.

- c. Aspek Dietetik Komuniti.
 - i. menyumbang kepada program/ aktiviti dalam perkhidmatan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit kepada organisasi dan media massa serta mewujudkan garis panduan dietetik.
- d. Pengurusan Perkhidmatan Makanan.
 - i. mengurus operasi penyediaan makanan dengan mematuhi spesifikasi kontrak, syarat, piawaian, garis panduan dan akta ke arah pencapaian kualiti yang ditetapkan.
- e. Pengurusan Latihan.
 - i. memberi latihan kepada doktor dan pegawai dalam bidang rawatan perubatan mengenai perkembangan terkini mengenai pemakanan dan diet dalam rawatan pesakit.
 - ii. melibatkan diri dalam memberi latihan praktikal kepada pelatih katering dan pelatih dietetik dari institusi pendidikan tinggi semasa penempatan klinikal.
- f. Pengurusan Kajian.
 - i. menguruskan kajian kepuasan pelanggan, kajian *Quality Assurance* dan melibatkan diri dalam penyelidikan.
- g. Memberi perkhidmatan pemakanan/ diet di hospital dan klinik-klinik kesihatan.
- h. Tumpuan kepada perkembangan bidang klinikal dietetik secara pengkhususan.
 - i. Memberi perhatian terhadap pesakit *acute* seperti rawatan rapi, *burns* dan pesakit lain yang tenat dan memerlukan penjagaan dan pemantauan diet/ *feeding regime* yang rapi.
 - j. Memastikan pesakit diberi preskripsi diet, memahami tentang penjagaan dietnya dan menghadiri rawatan susulan.

4.4 Pegawai Dietetik Gred U13

Bertanggungjawab ke atas pengurusan dan penyelarasan kewangan, sumber manusia dan pentadbiran berkaitan sistem perkhidmatan makanan, merancang, mengurus dan menyelaras program promosi kesihatan dan pencegahan penyakit serta latihan profesional.

a. Pengurusan dan Penyelarasan.

Bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan, sumber manusia, kemudahan dan peralatan serta semua pentadbiran dalam jabatan.

b. Pengurusan dan Penyelarasan Perkhidmatan Makanan.

Bertanggungjawab ke atas pengurusan pentadbiran berkaitan sistem perkhidmatan makanan dengan memastikan proses kerja mengikut peraturan dan tatacara pekeliling dan piawaian yang ditetapkan.

c. Aspek Dietetik Klinikal.

- i. melaksanakan langkah-langkah dalam *nutrition care process* seperti *nutritional assessment*, *nutrition prescription*, *nutrition monitoring and evaluation* bagi setiap pesakit dalam atau pesakit luar yang dirujuk oleh doktor dengan tahap kesihatan yang optima.
- ii. mengendalikan disiplin yang ditetapkan ke arah pengkhususan dietetik.
- iii. mengurus dan menyelaras semua perkhidmatan dietetik dalam hospital.

d. Aspek Dietetik Komuniti.

- i. merancang, mengurus program/ aktiviti dalam perkhidmatan promosi kesihatan dan pencegahan penyakit.

e. Perancangan dan Penyelarasan Latihan.

- i. merancang, mengurus dan menyelaras latihan, kursus orientasi, latihan *continuous professional development* dan lain-lain bagi pegawai jabatan serta pegawai dalam bidang rawatan perubatan mengikut keperluan.
- ii. merancang, mengurus dan menyelaras latihan praktikal katering dan latihan praktikal dietetik bagi pelatih semasa penempatan klinikal.

f. Perancangan dan Pengurusan Kajian.

- i. merancang dan menguruskan kajian kepuasan pelanggan dan kajian *Quality Assurance*.
- ii. merancang kajian penyelidikan yang akan dilaksanakan.

- g. Aspek Sistem Maklumat.
 - i. mengurus dan memastikan rekod, data dan maklumat di simpan mengikut peraturan, sistematik dan terkawal.
 - ii. menganalisa data dan statistik untuk digunakan bagi perancangan dan penambahbaikan perancangan jabatan.
- h. Memberi perkhidmatan pemakanan/ diet di hospital dan klinik-klinik kesihatan.
- i. Memberi tumpuan kepada perkembangan bidang klinikal dietetik secara pengkhususan.
- j. Memberi perhatian terhadap pesakit *acute* seperti rawatan rapi, *burns* dan pesakit lain yang tenat dan memerlukan penjagaan dan pemantauan diet/ *feeding regine* yang rapi.
- k. Dalam skop rawatan pesakit luar, Pegawai Dietetik dikehendaki memastikan pesakit diberi preskripsi diet, memahami tentang penjagaan dietnya dan menghadiri rawatan susulan.

4.5 Pegawai Dietetik Gred U14

Bertanggungjawab dalam merancang hala tuju organisasi, bertindak sebagai pakar rujuk dalam perkhidmatan, merancang program promosi kesihatan dan pencegahan, merancang kajian penyelidikan dan latihan profesional.

- a. Perancangan, Pengurusan dan Penyelarasan.
 - i. merancang hala tuju untuk melaksanakan program-program kesihatan berdasarkan kepada hala tuju negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan mengambil kira perkembangan global demi memajukan perkhidmatan dietetik
 - ii. menyelaras dan melaksanakan penambahbaikan program-program berkaitan.
- b. Peranan Khidmat Pakar Rujuk.
 - i. Memberi khidmat pakar rujuk atau perunding dalam perkhidmatan sajian, teknologi makanan/ pemakanan, dietetik, kesihatan dan lain-lain kepada pihak atasan, pelbagai jabatan/ organisasi lain yang memerlukan.

- c. Penyelarasan Perkhidmatan Makanan Hospital-hospital.
 - i. merancang dan melaksana program berkaitan kesihatan dietetik bagi memastikan semua urusan perkhidmatan makanan di semua hospital adalah mematuhi akta, arahan pekeliling, garis panduan dan piawaian yang ditetapkan serta memberi hasil yang berkualiti.
 - ii. mengkaji perkembangan perkhidmatan makanan dan teknologi terkini untuk cadangan penambahbaikan sistem sedia ada demi mempertingkatkan lagi perkhidmatan untuk pelanggan.
- d. Pelaksanaan dan Penyelarasan Rawatan Dietetik Klinikal.
 - i. menyelaras dan melaksana langkah-langkah dalam *nutrition care process* seperti *nutritional assessment, nutrition prescription, nutrition monitoring and evaluation* bagi setiap pesakit dalam atau pesakit luar yang dirujuk oleh doktor dengan mencapai tahap kesihatan yang optima.
 - ii. merancang hala tuju dan pelaksanaan perkhidmatan pengkhususan dietetik.
 - iii. merancang dan menyelaras perkhidmatan dietetik di semua hospital dan klinik kesihatan.
- e. Pelaksanaan dan Penyelarasan Promosi Kesihatan.
 - i. merancang dan melaksanakan program-program promosi kesihatan dan pencegahan penyakit untuk mencapai visi dan misi Kementerian Kesihatan Malaysia dalam perkhidmatan yang diberi.
- f. Pelaksanaan dan Penyelarasan Kajian/ Penyelidikan.
 - i. merancang dan mengurus kajian kepuasan pelanggan serta *quality assurance* yang perlu dilaksanakan di semua hospital.
 - ii. merancang kajian penyelidikan yang melibatkan *multi-centre*.
- g. Perancangan Latihan.
 - i. merancang, mengurus dan menyelaras latihan, kursus orientasi, latihan *continuous professional development* dan lain-lain bagi pegawai jabatan dan pegawai dalam bidang kesihatan pemakanan mengikut keperluan.

- ii. merancang latihan berkaitan pemakanan/ dietetik untuk doktor paramedik dan yang berkenaan untuk kefahaman demi mempertingkatkan lagi rawatan pesakit.
- iii. merancang dan menyelaras latihan praktikal kepada pelatih katering dan pelatih dietetik dari institusi pendidikan tinggi semasa penempatan klinikal.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalam

- a. Bekerjasama dengan doktor dan *allied health professional* seperti Jururawat, Jurupulih, Pegawai Farmasi dan lain-lain.
- b. Jabatan-jabatan lain dalam hospital dalam urusan klinikal, promosi kesihatan dan urusan perkhidmatan makanan.

Luaran

- a. Memberi ceramah kepada organisasi/ agensi berkenaan promosi kesihatan dan perkhidmatan makanan.
- b. berurusan dengan jabatan lain dan NGO's dalam menyumbangkan perkhidmatan kepakaran dietetik.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Melawat wad untuk mengendalikan pesakit dalam.
- b. Mengendalikan rawatan pemakanan/ diet bagi pesakit luar di klinik atau kawasan yang dikenal pasti oleh hospital.
- c. Menjalankan tugas dan tanggungjawab urusan perkhidmatan makanan di Jabatan Sajian dan Dietetik.

7. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berkebolehan melaksanakan tugas klinikal iaitu setiap langkah dalam *nutrition care process* bagi pesakit dalam atau pesakit luar yang dirujuk oleh doktor untuk mencapai tahap kesihatan yang optima.
- b. Sentiasa mempunyai perkembangan pengetahuan klinikal *evidence based* yang terkini untuk diaplikasikan dalam rawatan pemakanan/ diet bagi

pesakit dalam dan pesakit luar sama ada di hospital atau di klinikkesihatan.

- c. Berusaha untuk melaksanakan rawatan pesakit secara profesional serta mempunyai nilai-nilai penyayang kepada pesakit.
- d. Bersedia untuk bekerja secara berpasukan *multidisciplinary approach* dalam rawatan pesakit bersama dengan doktor dan *allied health professional*.
- e. Berkebolehan menyelia urusan katering serta memastikan penyediaandiet teraputik adalah betul dan berkualiti.
- f. Berkebolehan menyampaikan maklumat yang tepat mengenai diet/ panduan/ nasihat penjagaan makanan untuk seseorang pesakit, berdasarkan kepada perubatannya.

Sumber: Lampiran C, C1, C2, C3, C4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2005